

# Perjalanan terakhir

*Kemalangan membabitkan sebuah kereta dan treler ragut 3 nyawa*

## **Kuala Lumpur**

**T**iga individu maut apabila kereta Perodua Myvi dinaiki dipercayai bertembung dengan sebuah treler di hadapan Pusat Perkembangan Kemahiran Kebangsaan Serendah, Hulu Selangor, awal pagi semalam.

Mangsa yang maut dikenali sebagai B Janani Sri, 25,

PS Thamilselvam, 25, dan PS Sasitaran, 18.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor Norazam Khamis berkata, pasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kuala Kubu Bharu

dikejarkan ke lokasi kejadian selepas menerima panggilan kecemasan pada 4.30 pagi.

"Sebaik tiba, pasukan penyelamat mendapati kemalangan membabitkan dua kenderaan iaitu Perodua Myvi dan treler yang di-

percayai telah bertembung.

"Kereta itu dipercayai dalam perjalanan dari Rawang ke Serendah manakala treler datang dari arah bertentangan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, semua mangsa yang tersepit disahkan meninggal dunia di tempat kejadian manakala pemandu treler berusia 39 tahun tidak cedera.

**Pemandu treler  
berusia 39 tahun  
tidak cedera**



**TIGA maut selepas kereta Perodua Myvi dipercayai bertembung dengan sebuah treler di Hulu Selangor, awal pagi semalam.**